

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BN IBRAHIM  
[PORT DICKSON]**

**TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB DATO' SERI ANWAR BN IBRAHIM** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penyiasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai skandal kontrak bernilai tidak kurang RM30 juta Kementerian Kesihatan Malaysia yang berkaitan dengan pemerolehan peralatan untuk COVID-19 yang didakwa diberikan melalui rundingan secara langsung.

**JAWAPAN : [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN  
UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak SPRM sedang menjalankan siasatan berhubung kontrak pemerolehan peralatan untuk COVID-19 yang melibatkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pada masa ini, SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan tersebut.

Sekian, terima kasih.